

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : BERTULIS
- DARIPADA** : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]
- SOALAN** : Dato' Haji Mahfuz bin Omar minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan
- (a) nama individu dan syarikat-syarikat yang mendapat kontrak kuota membekal benih padi serta jumlah berat metrik tan setiap syarikat; dan
 - (b) apakah syarat-syarat dan SOP yang perlu dijalankan oleh syarikat berkenaan bagi memastikan kualiti benih padi yang dibekalkan mematuhi piawaian yang ditetapkan dan bagaimana Kerajaan memantau supaya SOP ini dipatuhi

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Bagi tahun 2015-2016, sebanyak sembilan (9) Pengeluar telah dilantik secara tender terbuka bagi mengeluarkan benih padi sah kepada petani. Jumlah kuota keseluruhan benih padi sah untuk tahun 2015 dan 2016 adalah sebanyak 80,000 tan metrik dan Perincian Pengeluar yang dilantik bagi

tahun 2015-2016 berserta jumlah kuota adalah seperti berikut:-

Bil.	Syarikat	Jumlah Kuota (mt)
1.	OBL Maju Sdn. Bhd.	6,765
2.	Haji Md Nor bin Hj Abd. Rahman (M) Sdn. Bhd.	13,461
3.	Kilang Beras Seri Merbok Sdn. Bhd.	19,422
4.	Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn. Bhd.	13,352
5.	PPK Lahar Bubu	7,125
6.	PPK Puteri Saadong	2,740
7.	FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd.	8,810
8.	Kelang Beras Jelapang Selatan (Muar) Sdn. Bhd.	5,150
9.	Pertama Padi Sdn. Bhd.	3,175

- (a) Bagi memastikan kualiti benih padi yang dibekalkan mematuhi piawaian yang ditetapkan, Jabatan Pertanian telah dilantik sebagai Agensi Pengesahan, manakala aktiviti pengeluaran benih padi sah pula dilaksanakan oleh pengeluar yang dilantik oleh kerajaan. Semua aktiviti pengeluaran benih padi sah yang dilaksanakan oleh pengeluar tersebut adalah tertakluk kepada Prosedur Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) Jabatan Pertanian Malaysia.

SPBP merupakan satu sistem perakuan kualiti kepada benih padi yang dikeluarkan untuk tujuan penanaman mengikut prosedur, syarat dan piawaian yang ditetapkan. Aspek penting yang ditetapkan di bawah skim ini melibatkan pematuhan kepada ketetapan sumber serta generasi benih yang digunakan dan piawaian yang ditetapkan melalui pemeriksaan ladang benih dan pemeriksaan premis kilang, penyemakan rekod dan pelaksanaan ujian biji benih.

Dari aspek pemantauan, Kerajaan melalui Jabatan Pertanian Malaysia telah melakukan pemeriksaan dan pemantauan di ladang benih sehinggalah ke peringkat penuaian ladang benih bagi memastikan ianya memenuhi piawaian. Bagi pemeriksaan dan pemantauan di premis kilang pula, ia bermula dari peringkat penerimaan benih padi mentah di kilang sehinggalah benih padi tersebut menepati piawaian yang ditetapkan dalam ujian biji benih di makmal.